

PM mahu projek tebatan banjir, basmi miskin tegar disegerakan

PUTRAJAYA: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan usaha menjamin kebajikan rakyat seperti membasmi kemiskinan tegar dan projek tebatan banjir disegerakan.

Anwar berkata beliau meminta Perbendaharaan memberi kelonggaran supaya dapat dipercepat melalui peruntukan segera bersama Kementerian Ekonomi dan juga proses *pre-queue* yang lebih cepat.

Beliau berkata ini terutamanya melibatkan projek yang melalui proses tender yang memakan masa terlalu lama.

"Mengapa kita tekankan soal tender ini, kerana saya tengok kalau kita pakai rundingan ini, kita gunakan kaedah rundingan, banyak ketelanjurannya dan ketirisannya. Jadi sebaiknya kita gunakan tender.

"Tapi tender itu kadang-kadang kalau proses biasa, akan mengambil masa terlalu panjang namun orang yang terkesan dengan banjir ini tidak mampu menunggu," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan bersama warga Jabatan Perdana Menteri di sini, Isnin.

Sementara itu, beliau memberi amaran bahawa lesen bazar Ramadan yang didapati dijual semula akan dibatalkan

dengan segera.

Anwar menegaskan tindakan itu perlu dilaksanakan, kerana saban tahun terdapat pihak yang mengambil kesempatan untuk menjual semula lesen tersebut bagi mendapatkan keuntungan mudah.

"Kalau ada persatuan yang ambil berpuluh ringgit untuk pengawasan dan kebersihan, itu saya faham, tetapi ini (salah kerana) dijual semula.

"Jadi kita kena pastikan siapa yang dapat lesen, dia kerja. Kalau dia pin-dahkan lesen itu, batal segera," katanya.

Anwar berkata pembatalan lesen bazar Ramadan terhadap peniaga yang melakukan kesalahan sedemikian telah diamalkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan boleh dicontohi oleh pihak berkuasa tempatan lain.

"Jadi saya harap dengan pelaksanaan tegas di Kuala Lumpur, dia menjadi satu contoh. Contoh pelaksanaan yang baik. Bayangkan orang nak berniaga di bulan Ramadan untuk mendapat hasil dan upah lebih tinggi untuk persiapan (Aidilfitri) untuk keluarga. (Tetapi) itu masih ada tokok-tokok selain daripada kadar ditetapkan," kata beliau. - Bernama